


**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(AKTA 171)**

**UNDANG-UNDANG KECIL
IKLAN
(WILAYAH PERSEKUTUAN) 1982
P.U.(A) 187/82**

SENARAI PINDAAN :

BIL.	NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)	TARIKH DIWARTAKAN	CATITAN
1	P.U.(A) 364/85		
2	P.U.(A) 466/85		(Pembetulan)
3	P.U.(A) 210/86		
4	P.U.(A) 312/90		
5	P.U.(A) 416/91		
6	P.U.(A) 409/93		
7	P.U.(A) 370/02		
8			



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 26
No. 13

24hb Jun 1982

TAMBAHAN No. 35
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 187.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (WILAYAH
PERSEKUTUAN) 1982

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang Kecil

1. Nama dan pemakaian.
 2. Tafsiran.
 3. Bahasa iklan.
 4. Penggunaan bahasa kebangsaan yang betul.
 5. Melesenkan iklan-iklan.
 6. Iklan yang dipamerkan tanpa lesen.
 7. Permohonan untuk mendapatkan lesen.
 8. Pemberian atau pembaharuan lesen.
 9. Fee lesen.
 10. Pembatalan lesen.
 11. Pembayaran balik deposit.
 12. Ketinggian dan pelunjuran iklan, dsb.
 13. Penyenggaraan iklan.
 14. Menurunkan iklan.
 15. Kesalahan.
 16. Anggapan.
 17. Pengecualian.
 18. Pemansuhan dan pengecualian.
- JADUAL PERTAMA.
JADUAL KEDUA.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (WILAYAH PERSEKUTUAN) 1982

- Akta 171.* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, menjalankan fungsi Datuk Bandar Kuala Lumpur menurut seksyen 4 (7) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, membuat, dan menurut seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976 Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:
- Akta 190.*
- Akta 171.*
- Nama dan pemakaian. 1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982** dan hendaklah dipakai hanya bagi Wilayah Persekutuan.
- Tafsiran. 2. Dalam Undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—
- “Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960;
- “fee lesen” ertinya fee lesen yang kena dibayar di bawah undang-undang kecil 9;
- “iklan” ertinya apa-apa pemberitahuan, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan bertujuan untuk memberitahu orang ramai mengenai apa-apa barang, keluaran, pengeluaran, tred, perniagaan, profesion, firma, perbadanan, organisasi, institusi, tempat, premis, pertunjukan, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain, di atas apa-apa papan dendeng, papan, bumbung, dinding, pagar berpancang, pagar, pokok, rangka, plat, kain, rintangan, tiang, tonggak, dawai, salutan, kenderaan atau mana-mana struktur atau perekaan lain, atau mana-mana bahagiannya, di atas, atau di dalam mana-mana bangunan, jalan atau tempat peranginan awam, atau di atas mana-mana tanah, dan termasuk “tanda langit” sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta.
- Bahasa iklan. 3. (1) Semua iklan hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan boleh juga dalam apa-apa bahasa lain.
- (2) Huruf-huruf bagi perkataan-perkataan dalam bahasa kebangsaan hendaklah diberi keutamaan dan hendaklah dari saiz yang lebih besar daripada huruf-huruf atau tulisan perkataan-perkataan dalam bahasa lain.
- (3) Seseorang tidak boleh mempamerkan atau menyebabkan membenar dipamerkan mana-mana iklan yang tidak mematuhi paragraf (1) dan (2).
- (4) Walau apa pun peruntukan paragraf (3), jika nama sesuatu firma, persatuan atau syarikat, sebagaimana yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 1965, atau Akta Pertubuhan 1966, terdiri dari atau termasuk perkataan-perkataan yang bukan dalam bahasa kebangsaan, maka tidaklah perlu untuk menterjemahkan perkataan-perkataan itu ke dalam bahasa kebangsaan.
- Akta 197,*
Akta 125,
13/66.

4. Jika Datuk Bandar berpendapat bahawa bahasa kebangsaan telah tidak digunakan dengan betul dalam mana-mana iklan, dia boleh melalui notis secara bertulis memerintahkan orang yang telah mempamerkan iklan itu atau yang telah menyebabkan atau membenarkan iklan itu dipamerkan mengubah iklan itu untuk membetulkan kesalahan itu mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Datuk Bandar dalam notis itu.

Penggunaan bahasa kebangsaan yang betul.

5. (1) Tertakluk kepada paragraf (2), seseorang tidak boleh mempamerkan atau sebab atau membenarkan dipamerkan mana-mana iklan tanpa suatu lesen yang diberi atau diperbaharui oleh Datuk Bandar di bawah undang-undang kecil 8 (1).

Melesenkan iklan-iklan.

(2) Lesen tidak dikehendaki bagi mana-mana iklan yang berhubungan dengan mana-mana pilihanraya Parlimen atau Negeri jika ia dipamerkan dengan mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Datuk Bandar dan mengikut syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Datuk Bandar.

(3) Tiada apa pun yang terkandung dalam paragraf (2) boleh mengecualikan mana-mana orang daripada kehendak-kehendak undang-undang kecil 3 dan 13.

6. Walau apa pun peruntukan undang-undang kecil 9 dan tanpa menyentuh undang-undang kecil 15, jika Datuk Bandar membenarkan penahanan mana-mana iklan yang telah dipamerkan tanpa lesen, suatu fee yang sama banyak dengan tiga kali ganda fee lesen tahunan bagi iklan itu adalah kena dibayar berhubungan dengan lesen apabila ianya diberikan.

Iklan yang dipamerkan tanpa lesen.

7. (1) Permohonan untuk mendapatkan suatu lesen untuk memamerkan iklan hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan—

Permohonan untuk mendapatkan lesen.

- (a) dua salinan lakaran yang menunjukkan detail penuh iklan itu;
- (b) di mana berkenaan, tapak atau pelan tempat yang menunjukkan tempat iklan itu;
- (c) di mana berkenaan, pelan struktur hendaklah didirikan bagi maksud mempamerkan iklan itu dan mempunyai perakuan seseorang arkitek berdaftar atau jurutera struktur berdaftar yang berpendapat bahawa struktur itu akan berada dalam keadaan tegap dan kukuh bagi tempoh selama mana iklan itu dijangka hendak dipamerkan; dan
- (d) fee lesen.

(2) Jika sesuatu iklan hendak dilekatkan di bangunan, Datuk Bandar boleh, sebagai tambahan kepada kehendak-kehendak di bawah paragraf (1), menghendaki pemohon mengemukakan suatu taksiran bertulis oleh seseorang arkitek berdaftar atau jurutera struktur berdaftar mengenai kekukuhan struktur bangunan itu atau bahagian bangunan di mana iklan itu hendak dilekatkan.

(3) Datuk Bandar boleh menghendaki seseorang pemohon men-deposit dengannya apa-apa jumlahwang yang tidak lebih daripada tiga ribu ringgit.

- Pemberian, atau pembaharuan lesen
8. (1) Datuk Bandar boleh memberi atau memperbaharui sesuatu lesen untuk mempamerkan iklan dalam Borang B Jadual Pertama.
- (2) Sesuatu lesen boleh dari semasa ke semasa diperbaharui atas pembayaran fee lesen.
- (3) Jika pemberian atau pembaharuan sesuatu lesen ditolak, fee lesen sepenuhnya hendaklah dibayarbalik kepada pemohon.
- (4) Jika permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen atau pembaharuan sesuatu lesen ditarikbalik sebelum diluluskan oleh Datuk Bandar, separuh daripada fee lesen itu hendaklah dibayarbalik kepada pemohon.
- Fee lesen.
9. Fee lesen yang kena dibayar bagi jenis iklan yang dinyatakan dalam ruangan pertama Jadual Kedua hendaklah dihitung mengikut asas bulanan dan mengikut kadar yang ditetapkan dalam ruangan kedua Jadual tersebut.
- Pembatalan lesen.
10. (1) Jika sesuatu lesen dibatalkan, orang yang mempamerkan iklan itu hendaklah menurunkan iklan yang baginya lesen telah dibatalkan dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh pembatalan.
- (2) Pampasan tidak boleh dibayar kepada mana-mana orang atas pembatalan sesuatu lesen.
- Pembayaran balik deposit.
11. Tertakluk kepada undang-undang kecil 14 (3), deposit di bawah undang-undang kecil 7 (3) hendaklah dibayarbalik kepada orang yang mempamerkan iklan itu selepas habis tempoh atau pembatalan lesennya dan iklan itu diturunkan.
- Ketinggian dan pelunjuran iklan, dsb.
12. (1) Sesuatu iklan itu tidak boleh, setakat tinggi lima meter yang diukur tegak dari lorong jalan, mengunjur mendatar melebihi satu meter daripada garisan sempadan jalan.
- (2) Melebihi lima meter tinggi, sesuatu iklan tidak boleh mengunjur mendatar melebihi dua meter daripada garisan sempadan jalan.
- (3) Sesuatu iklan itu tidak boleh keseluruhannya melindungi atau menghalang mana-mana tingkap atau eksos asap yang terletak di dinding luar bangunan itu.
- Penyenggaraan iklan.
13. (1) Datuk Bandar boleh melalui notis secara bertulis memerintahkan orang yang mempamerkan mana-mana iklan untuk mengecat semula, mengganti atau membersihkan iklan itu dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.
- (2) Jika warna-warna iklan bercahaya berlesen berkemungkinan menyebabkan kekeliruan atau kegusaran awam apabila iklan itu bercahaya, Datuk Bandar boleh melalui notis secara bertulis memerintahkan orang yang mempamerkan iklan itu menukarkan warnanya dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.
- Menurunkan iklan.
14. (1) Datuk Bandar boleh memerintahkan diturunkan terus mana-mana iklan, termasuk mana-mana struktur yang didirikan khas untuk iklan itu, yang dipamerkan tanpa lesen atau yang melanggar mana-mana undang-undang kecil ini.

(2) Datuk Bandar atau pegawai-pegawainya boleh memasuki mana-mana premis pada bila-bila masa yang berpatutan dan melaksanakan penurunan mana-mana iklan jika perintah penurunan tidak dipatuhi.

(3) Perbelanjaan yang dikenakan untuk penurunan di bawah paragraf (2) hendaklah ditanggung oleh orang yang mempamerkan iklan itu, dan Datuk Bandar boleh memotong apa-apa perbelanjaan daripada mana-mana wang yang kena dibayar kepada orang itu di bawah undang-undang kecil 11.

15. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana Undang-undang kecil ini atau mana-mana syarat dalam sesuatu lesen, atau mana-mana notis atau perintah Datuk Bandar, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau dihukum penjara bagi tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali. Kesalahan.

16. Dalam mana-mana pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Undang-undang kecil ini, ianya hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa— Anggapan.

(a) mana-mana iklan yang dipamerkan di atas atau di dalam mana-mana premis dipamerkan oleh atau dengan kebenaran pemunya atau penduduk premis itu;

(b) mana-mana iklan mengenai sesuatu keluaran yang telah dipamerkan oleh pengilang keluaran itu atau, mengenai sesuatu keluaran yang diimport, oleh ejen tunggal tempatan atau pengedar tempatan bagi keluaran itu;

(c) mana-mana iklan mengenai sesuatu pertunjukan telah dipamerkan oleh penganjur pertunjukan itu atau, jika penganjur tidak diketahui, oleh orang yang kepadanya hasil jualan tiket bagi pertunjukan itu akan dibayar atau oleh orang yang akan mendapat keuntungan dari iklan itu.

17. Datuk Bandar boleh, dengan bersyarat atau tanpa syarat, mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana undang-undang kecil itu. Pengecualian.

18. (1) Undang-undang kecil Munisipal Kuala Lumpur (Iklan) 1954 adalah dimansuhkan. Pemansuhan dan pengecualian.

(2) Walau apa pun peruntukan paragraf (1) mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang kecil yang dimansuhkan itu hendaklah terus sah seolah-olah ianya telah dikeluarkan di bawah Undang-undang kecil ini melainkan jika dibatalkan oleh Datuk Bandar. Sel. P.W. 721/54.

(3) Mana-mana orang yang mempamerkan atau menyebabkan dipamerkan mana-mana iklan yang dikecualikan daripada kehendak sesuatu lesen di bawah Undang-undang kecil yang dimansuhkan itu tetapi tidak dikecualikan sedemikian di bawah Undang-undang kecil ini hendaklah, jika dalam tempoh enam bulan selepas Undang-undang kecil ini mula berkuatkuasa atau dalam apa-apa tempoh yang dilanjutkan, sebagaimana yang dibenarkan oleh Datuk Bandar, dia mengemukakan kepada Datuk Bandar suatu fotografer iklan itu, diberikan lesen atas pembayaran fee lesen.

JADUAL PERTAMA

BORANG A

(Undang-undang kecil 7 (1))

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN IKLAN

Datuk Bandar Kuala Lumpur,

.....

Tuan,

Saya,
 (*Nama penuh dalam huruf besar*)

K.P. No. beralamat
 memohon untuk mendapatkan lesen iklan di bawah undang-undang kecil 7 (1) Undang-undang kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1981.

2. Jenis iklan

3. Saiz iklan:	Amaun iklan:
.....
.....
.....

4. Tempat/Tempat-tempat di mana iklan/iklan-iklan itu akan dipamerkan:

5. Tempoh lesen: Dari 19.....
 sehingga 19.....

6. Saya lampirkan—
 (a) dua salinan lakaran yang menunjukkan detail penuh iklan itu;
 *(b) pelan† tapak/tempat yang menunjukkan tempat iklan itu;
 *(c) pelan struktur yang hendak didirikan bagi maksud mempamerkan iklan itu dan juga perakuan seseorang arkitek berdaftar/jurutera struktur berdaftar;†
 (d) fee lesen sebanyak

Tarikh

Tandatangan pemohon

* Lampirkan jika berkenaan.
 † Potong yang tidak berkenaan.

BORANG B
(Undang-undang kecil 8 (1))

LESEN IKLAN

Lesen No..... Rujukan Fail.....

Nama.....

Alamat.....

adalah dilesenkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk mempamerkan iklan/iklan-
iklan berikut:

(1)

(2)

(3)

(4)

di.....

mulai dari..... 19..... sehingga..... 19.....

tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

.....

.....

.....

.....

.....

Bertarikh..... 19.....

.....
Datuk Bandar Kuala Lumpur

JADUAL KEDUA

(Undang-undang kecil 7 (1), 8 (2), 9 dan 18 (3))

FEE LESEN

(1)

Jenis Iklan

(2)

Fee yang kena dibayar

- | | | |
|---|---|--------------------------------------|
| 1. Iklan yang tidak bercahaya:
diukur meliputi keluasan
bahagian untuk mempamer-
kan iklan itu dan termasuk
apa-apa keluasan permukaan
rangka atau penyangga | (a) Bagi meter persegi yang
pertama atau sebahagian
daripadanya
(b) Bagi tiap-tiap satu meter
persegi tambahan atau se-
bahagian daripadanya | \$100.00 setahun
\$ 10.00 setahun |
|---|---|--------------------------------------|

(1) <i>Jenis Iklan</i>	(2) <i>Fee yang kena dibayar</i>
2. Iklan yang bercahaya: diukur meliputi keluasan bahagian untuk mempamerkan iklan itu dan termasuk apa-apa keluasan permukaan rangka atau penyangga	(a) Bagi dua meter persegi yang pertama \$200.00 setahun (b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya \$ 20.00 setahun
3. Iklan kecil: iklan yang saiznya tidak melebihi satu meter persegi dan bertujuan untuk dipamerkan lebih daripada satu iklan dari rekabentuk yang sama	(a) Bagi 100 iklan yang pertama atau sebahagian daripadanya \$100.00 setahun (b) Bagi tiap-tiap tambahan 100 iklan atau sebahagian daripadanya \$ 50.00 setahun
4. Sesuatu Iklan yang Terunjur Lebih Daripada Limabelas Sentimeter Melebihi Bangunan: diukur meliputi keseluruhan keluasan iklan itu termasuk rangka, dan jika pameran adalah di kedua-dua belah muka iklan itu, tiap-tiap satu permukaan iklan itu hendaklah diukur	(a) Tidak bercahaya— (i) bagi dua meter persegi pertama bagi satu iklan \$200.00 setahun (ii) bagi tiap-tiap meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya bagi satu iklan \$ 20.00 setahun (b) Bercahaya— (i) bagi dua meter persegi pertama bagi satu iklan \$400.00 setahun (ii) bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya bagi satu iklan \$ 40.00 setahun
5. Tanda langit: diukur meliputi keluasan ruang yang digunakan untuk mempamerkan tanda langit	Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripadanya. \$200.00 setahun

Bertarikh pada 24hb Mac 1982.
[PKL. 2788; PN. (PU²) 328/2.]

DR ELYAS BIN OMAR,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Wilayah Persekutuan

Saya sahkan.

Bertarikh pada 3hb Jun 1982.
[KWP. 353/42/6/1 (5).]

DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF,
Menteri Wilayah Persekutuan

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
ADVERTISEMENTS (FEDERAL TERRITORY) BY-LAWS 1982

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-law

1. Citation and application.
2. Interpretation.
3. Language of advertisements.
4. Correct use of national language.
5. Licensing of advertisements.
6. Advertisements exhibited without licence.
7. Application for a licence.
8. Grant, renewal of licence.
9. Licence fee.
10. Revocation of licence.
11. Refund of deposit.
12. Heights and projections of advertisements, etc.
13. Maintenance of advertisements.
14. Removal of advertisements.
15. Offence.
16. Presumptions.
17. Exemption.
18. Repeal and savings.

FIRST SCHEDULE.

SECOND SCHEDULE.

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

ADVERTISEMENTS (FEDERAL TERRITORY) BY-LAWS 1982

- Act 171.* IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Secretary-General of the Ministry of the Federal Territory, carrying out the functions of the Commissioner of the City of Kuala Lumpur pursuant to section 4 (7) of the Federal Capital Act 1960, makes, and pursuant to section 103 of the Local Government Act 1976 the Minister, confirms the following by-laws:
- Act 190.*
Act 171.
- Citation and application. 1. These By-laws may be cited as the **Advertisements (Federal Territory) By-laws 1982** and shall apply only to the Federal Territory.
- Interpretation. 2. In these By-laws, unless the context otherwise requires—
- “advertisement” means any notification, intimation or publication exhibited for the purpose of bringing to the notice of the public any article, product, production, trade, business, profession, firm, corporation, organisation, institution, place, premises, event, activity or any other matter or information, on any hoarding, board, roof, wall, paling, fence, tree, frame, plate, cloth, bar, pillar, post, wire, casing, vehicle or any other structure or contrivance, or any part thereof, on, in or over any building, street, or place of public resort, or on or over any land, includes “sky-sign” as defined in section 2 of the Act;
- “Commissioner” means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur appointed under section 4 of the Federal Capital Act 1960;
- Act 190.* “licence fee” means the licence fee payable under by-law 9.
- Language of advertisements. 3. (1) All advertisements shall be in the national language and may be in any other language.
- (2) The letters of the words in the national language shall be given prominence and shall of a size bigger than the letters or characters of the words in the other language.
- (3) A person shall not exhibit or cause or permit to be exhibited any advertisement that does not comply with paragraphs (1) and (2).
- (4) Notwithstanding paragraph (3), if the name of a firm, society or company, as registered under the Registration of Business Act, 1956, the Companies Act 1965, or the Societies Act 1966, comprises of or includes words that are not in the national language it may not be necessary to render the words into the national language.
- Act 197.*
Act 125,
13/66

4. If it appears to the Commissioner that the national language has been used incorrectly in any advertisement, he may by notice in writing order the person who has exhibited the advertisement or who has caused or permitted the advertisement to be exhibited to alter the advertisement so as to correct the error in such manner and within such time as the Commissioner may specify in the notice.

Correct use of national language.

5. (1) Subject to paragraph (2), a person shall not exhibit or cause or permit to be exhibited any advertisement without a licence granted or renewed by the Commissioner under by-law 8 (1).

Licensing of advertisements.

(2) A licence shall not be required for any advertisement relating to any Parliamentary or State election if exhibited with the prior written permission of the Commissioner and in accordance with such conditions as the Commissioner may impose.

(3) Nothing in paragraph (2) shall exempt any person from the requirements of by-laws 3 and 13.

6. Notwithstanding by-law 9 and without prejudice to by-law 15, where the Commissioner approve the retention of any advertisement which has been exhibited without a licence, a fee equal to thrice the annual licence fee for such advertisement shall be payable in respect of the licence when it is granted.

Advertisements exhibited without licence.

7. (1) Application for a licence to exhibit advertisement shall be in Form A of the First Schedule and shall be accompanied with—

Application for a licence.

- (a) two copies of a sketch showing full details of the advertisement;
- (b) where applicable, a site or location plan showing the location of the advertisement;
- (c) where applicable, a plan of the structure to be erected for the purpose of exhibiting the advertisement and bearing the certificate of a registered architect or structural engineer that in his opinion the structure will be sound for the period for which the advertisement is expected to be exhibited; and
- (d) the licence fee.

(2) Where an advertisement is to be affixed to a building, the Commissioner may, in addition to the requirements under paragraph (1), require the applicant to submit a written assessment by a registered architect or structural engineer as to the structural stability of the building or that part of the building to which the advertisement is to be affixed.

(3) The Commissioner may require an applicant to deposit with him such sum not exceeding three thousand ringgit.

-
- Grant,
renewal
of licence.
8. (1) The Commissioner may grant or renew a licence to exhibit advertisement in Form B of the First Schedule.
- (2) A licence may from time to time be renewed on payment of the licence fee.
- (3) Where the grant or renewal of a licence has been refused, the full licence fee shall be refunded to the applicant.
- (4) Where the application for a licence or renewal of a licence is withdrawn before approval by the Commissioner, half of the licence fee shall be refunded to the applicant.
- Licence fee.
9. The licence fee payable for the type of advertisement specified in the first column of the Second Schedule shall be calculated on a monthly basis and at the rate prescribed in the second column of that Schedule.
- Revocation
of licence.
10. (1) Where a licence is revoked the person exhibiting the advertisement shall remove the advertisement to which the licence relates within fourteen days from the date of revocation.
- (2) Compensation shall not be payable to any person upon the revocation of a licence.
- Refund of
deposit.
11. Subject to by-law 14 (3), the deposit under by-law 7 (3) shall be refunded to the person exhibiting the advertisement after the expiry or revocation of his licence and the removal of the advertisement.
- Heights and
projections
of advertise-
ments, etc.
12. (1) An advertisement shall not, up to the height of five metres measured vertically from the streetway project horizontally beyond one metre of the line of boundary of the street.
- (2) Above five metres in height, an advertisement shall not project horizontally beyond two metres of the line of the boundary of the street.
- (3) An advertisement shall not substantially obscure or obstruct any window or fume-exhaust placed on the outer wall of a building.
- Maintenance
of advertise-
ments.
13. (1) The Commissioner may by notice in writing order the person exhibiting any advertisement to repaint, replace or clean the advertisement within such time as may be specified in the notice.
- (2) If the colours of a licensed illuminated advertisement are likely to cause confusion or annoyance to the public when the advertisement is illuminated, the Commissioner may by notice in writing order the person exhibiting the advertisement to change the colours within such time as may be specified in the notice.

14. (1) The Commissioner may order the summary removal of any advertisement, including any structure erected specially for the advertisement, exhibited without a licence or in contravention of any of these By-laws. Removal of advertisements.

(2) The Commissioner or his officers may enter into any premises at all reasonable times and execute the removal of any advertisement if the order of removal has not been complied with.

(3) The expenses incurred for the removal under paragraph (2) shall be borne by the person exhibiting the advertisement, and the Commissioner may deduct such expenses from any money due to that person under by-law 11.

15. Any person who contravenes any of these By-laws or any condition in a licence, or any notice or order of the Commissioner, shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to a term of imprisonment not exceeding one year or to both such fine and imprisonment. Offence.

16. In any prosecution for an offence under these By-laws, it shall be presumed until the contrary is proved that— Presumptions.

(a) any advertisement exhibited on or in any premises was exhibited by or with the permission of the owner or occupier of the premises;

(b) any advertisement of any product was exhibited by the manufacturer of that product or, in the case of an imported product, by the local sole agent or distributor of the product;

(c) any advertisement of any event was exhibited by the promoter of that event or, where the promoter is not known, by the person to whom the proceeds of the sale of tickets for that event will be paid or by the person who stands to gain by such advertisement.

17. The Commissioner may, conditionally or unconditionally, exempt any person from any of these By-laws. Exemption.

18. (1) The Kuala Lumpur Municipal (Advertisement) By-laws 1954 are repealed. Repeal and savings.
Sel. G.N.
721/54.

(2) Notwithstanding paragraph (1), any licence issued under the repealed By-laws shall continue to be valid as if it is issued under these By-laws unless revoked by the Commissioner.

(3) Any person exhibiting or causes to be exhibited any advertisement which is exempted from the requirement of a licence under the repealed By-laws but is not so exempted under these By-laws shall, if within six months of the coming into force of these By-laws or such extended period as the Commissioner may permit he submits to the Commissioner a photograph of the advertisement, be granted a licence on the payment of the licence fee.

FIRST SCHEDULE

FORM A

(By-law 7 (1))

APPLICATION FOR ADVERTISEMENT LICENCE

Commissioner of the City of Kuala Lumpur,

.....
.....
.....

Sir,

I,
(Name in full and in block letters)

I.C. No. of
apply for an advertisement licence under by-law 7 (1) of the Advertisements (Federal Territory) By-laws 1981.

2. Type of advertisement
.....
.....

3. Size of advertisement: Amount of advertisement:
.....
.....
.....

4. Place/s at which advertisement/s to be displayed:
.....
.....

5. Duration of licence: From 19.....
to 19.....

6. I append—
(a) two copies of a sketch showing full details of the advertisement;
*(b) a site/location† plan showing the location of the advertisement;
*(c) a plan of the structure to be erected for the purpose of exhibiting the advertisement and bearing the certificate of the registered architect/structural engineer†;
(d) the licence fee of

Date

Signature of Applicant

* Append if applicable.
† Delete if not applicable.

FORM B
(By-law 8 (1))
ADVERTISEMENT LICENCE

Licence No. File Reference

Name

Address

is licensed by the Commissioner of the City of Kuala Lumpur to exhibit the following advertisement/s:

- (1)
- (2)
- (3)
- (4)

at

commencing from 19 .. to 19 ..

subject to the following conditions:

.....

.....

.....

.....

.....

Dated the 19 ..

.....
Commissioner of the City of Kuala Lumpur

SECOND SCHEDULE
(By-laws 7 (1), 8 (2), 9 and 18 (3))

LICENCE FEES

(1) <i>Type of Advertisement</i>	(2) <i>Fee Payable</i>
1. Unilluminated Advertisement: measured over the area for the display of the advertisement and includes such superficial area of framework or support	(a) For the first square metre \$100.00 per annum or part thereof (b) For every additional square metre or part thereof \$ 10.00 per annum
2. Illuminated Advertisement: measured over the area for the display of the advertisement and includes such superficial area of framework or support	(a) For the first two square metres \$200.00 per annum (b) For every additional square metre or part thereof \$ 20.00 per annum

(1) <i>Type of Advertisement</i>	(2) <i>Fee Payable</i>
3. Small Advertisement: advertisement not exceeding one square metre in size and intended to be exhibited in excess of one advertisement of the same design	(a) For the first 100 advertisements or part thereof \$100.00 per annum (b) For every additional 100 advertisements or part thereof \$ 50.00 per annum
4. An Advertisement Projecting More Than Fifteen Centimetres Beyond The Building: measured over the whole area of the advertisement including framework, and where the exhibition is on both sides of the advertisement each face of the advertisement shall be measured	(a) Unilluminated— (i) for the first two square metres per advertisement \$200.00 per annum (ii) for every additional square metre or part thereof per advertisement \$ 20.00 per annum (b) Illuminated— (i) for the first two square metres per advertisement \$400.00 per annum (ii) for every additional square metre or part thereof per advertisement \$ 40.00 per annum
5. Sky-sign: measured over the area of the space used for the display of the sky-sign	For every square metre or part thereof \$200.00 per annum

Dated the 24th March 1982.
[PKL. 2788; PN. (PU²) 328/2.]

DR ELYAS BIN OMAR,
Secretary General,
Ministry of the Federal Territory

I confirm.

Dated the 3rd June 1982.
[KWP. 353/42/6/1 (5).]

DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF,
Minister of the Federal Territory

(1) <i>Type of Advertisement</i>	(2) <i>Fee Payable</i>
3. Small Advertisement: advertisement not exceeding one square metre in size and intended to be exhibited in excess of one advertisement of the same design	(a) For the first 100 advertisements or part thereof \$100.00 per annum (b) For every additional 100 advertisements or part thereof \$ 50.00 per annum
4. An Advertisement Projecting More Than Fifteen Centimetres Beyond The Building: measured over the whole area of the advertisement including framework, and where the exhibition is on both sides of the advertisement each face of the advertisement shall be measured	(a) Unilluminated— (i) for the first two square metres per advertisement \$200.00 per annum (ii) for every additional square metre or part thereof per advertisement \$ 20.00 per annum (b) Illuminated— (i) for the first two square metres per advertisement \$400.00 per annum (ii) for every additional square metre or part thereof per advertisement \$ 40.00 per annum
5. Sky-sign: measured over the area of the space used for the display of the sky-sign	For every square metre or part thereof \$200.00 per annum

Dated the 24th March 1982.
[PKL. 2788; PN. (PU²) 328/2.]

DR ELYAS BIN OMAR,
Secretary General,
Ministry of the Federal Territory

I confirm.

Dated the 3rd June 1982.
[KWP. 353/42/6/1 (5).]

DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF,
Minister of the Federal Territory

P.U. (A) 188.

AKTA KAWALAN PERTUKARAN WANG 1953

**PERINTAH KAWALAN PERTUKARAN WANG
(IMPORT DAN EKSPORT) (AM) 1982**

Akta 17.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 24 (1), 25 (1), dan 34 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, Pengawal membuat Perintah berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa.

1. Perintah ini boleh dinamakan **Perintah Kawalan Pertukaran Wang (Import dan Eksport) (Am) 1982** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 24hb Mei 1982.

P.U.(A) 364/85

<i>Grade</i>	<i>Price in Ringgit Per Kilogram</i>	<i>Qualities</i>
<i>NONDESCRIPT TOBACCO FROM ANY PLANT POSITION</i>		
ND 1	2.40	Flue-cured tobacco bunched, consisting of leaves not in the grade specified; green or darkish chocolate and free from damages or mould
ND 2	1.45	Flue-cured tobacco, bunched, not within grade ND. 1, not damaged and not mouldy".

Made the 2nd August 1985.

[KPU (S) O. 14/1/21; PN. (PU²) 137/III.]

MOHD. YUSOF BIN BASIR,
Chairman,
National Tobacco Board

Approved the 2nd August 1985

DATO' LEONG KHEE SEONG,
Minister of Primary Industries

P.U. (A) 364.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (WILAYAH PERSEKUTUAN)
(PINDAAN) 1985**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Datuk Bandar Kuala Lumpur, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Menteri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut: *Akta 171.*

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1985** dan hendaklah dipakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Nama dan pemakaian.*

2. Undang-undang kecil 2 Undang-Undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982, yang dalam Undang-Undang Kecil ini disebut sebagai "Undang-Undang Kecil ibu", adalah dipinda— *Pindaan undang-undang kecil 2.
P.U. (A)
187/82.*

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan "pemberitahuan" yang terdapat dalam takrif "iklan" perkataan-perkataan "poster, papan tanda, tanda arah,"; dan

(b) dengan memasukkan selepas sahaja takrif "iklan" takrif baru "orang" yang berikut:

"orang" ertinya—

(i) empunya atau penduduk mana-mana tanah, bangunan atau apa-apa struktur di mana iklan itu dipamerkan; atau

- (ii) mana-mana firma, perbadanan, syarikat atau pertubuhan yang didaftarkan selaras dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 1965 atau Akta Pertubuhan 1966 berkenaan dengan barang-barang bagi tred, perniagaan, kempen profesion atau apa-apa perniagaan lain, publisiti adalah diberi oleh iklan itu.

Pindaan
undang-
undang
kecil 3.

3. Undang-undang kecil 3 Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perenggan (1) dan (2) dengan perenggan baru (1) dan (2) yang berikut:

“(1) Suatu iklan hendaklah dalam Bahasa Malaysia sama ada dengan sendirinya atau bersesama mana-mana bahasa lain.

(2) Perkataan-perkataan dan huruf-huruf dalam Bahasa Malaysia hendaklah diberi keutamaan dalam warnanya dan di suatu kedudukan yang lebih jelas daripada perkataan-perkataan atau huruf-huruf atau tulisan-tulisan dalam bahasa lain yang digunakan dan saiznya hendaklah tidak melebihi ukuran yang terdapat dalam Bahasa Malaysia.”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (4) perenggan baru (5) yang berikut:

“(5) Walau apa pun peruntukan perenggan (4), Datuk Bandar boleh meghendaki butir-butir perniagaan, syarikat atau pertubuhan dan perniagaannya, syarikat atau pertubuhan itu hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan dalam perenggan (1) dan (2).”.

Pindaan
undang-
undang
kecil 5.

4. Undang-undang kecil 5 Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (1) perenggan baru (1A) dan (1B) yang berikut:

“(1A) Datuk Bandar boleh menghadkan bilangan iklan yang hendak dipamerkan, termasuk bilangan struktur iklan-iklan tersebut bagi maksud memberi atau memperbaharui lesen.

(1B) Datuk Bandar boleh mengenakan apa-apa syarat yang ia fikirkan patut dalam sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.”.

Pindaan
undang-
undang
kecil 7.

5. Undang-undang kecil 7 Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Borang A Jadual Pertama” yang terdapat dalam perenggan (1) perkataan-perkataan “borang sebagaimana ditetapkan oleh Datuk Bandar”;

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “arkitek berdaftar” yang terdapat dalam subperenggan (c) perenggan (1) dengan perkataan-perkataan “jurutera awam”;
- (c) dengan menggantikan subperenggan (d) perenggan (1) dengan subperenggan yang berikut:
 - “(d) apa-apa sijil pendaftaran perniagaan, perbadanan, pertubuhan badan-badan profesional, perintah pembangunan atau apa-apa dokumen lain yang berkenaan.”; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan “arkitek berdaftar” yang terdapat dalam perenggan (2) dengan perkataan-perkataan “jurutera awam”.

6. Undang-undang kecil 8 Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda—

Pindaan undang-undang kecil 8.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Borang B Jaduai Pertama” yang terdapat dalam perenggan (1) dengan perkataan-perkataan “borang sebagaimana ditetapkan oleh Datuk Bandar”;
- (b) dengan menggantikan perenggan (2), (3) dan (4) dengan perenggan baru (2), (3) dan (4) yang berikut:
 - “(2) Permohonan untuk memperbaharui lesen hendaklah dibuat sebelum tarikh tamatnya lesen itu dan hendaklah disertakan dengan bayaran fee lesen sebagaimana ditetapkan dalam Jadual.
 - (3) Suatu lesen hendaklah terus berkuatkuasa, melainkan terlebih dahulu digantung atau dibatalkan sehingga 31hb Disember selepas berikutan dengan bermulanya lesen itu.
 - (4) Datuk Bandar boleh, tanpa memberi apa-apa sebab, enggan dari mengeluarkan atau memperbaharui sesuatu lesen.”.

7. Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 9 dengan undang-undang kecil 9 yang berikut:

Pindaan undang-undang kecil 9.

- “9. (1) Walau apa pun peruntukan perenggan (8), Datuk Bandar boleh mengeluarkan lesen jangka pendek untuk apa-apa iklan yang dipamerkan bagi suatu tempoh yang singkat.
- (2) Fee yang kena dibayar bagi lesen sedemikian hendaklah dihitung atas asas bulan ke bulan berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan bagi maksud perenggan ini sebahagian bulan hendaklah disifatkan sebagai satu bulan.”.

Pindaan
undang-
undang
kecil 10.

8. Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 10 dengan undang-undang kecil 10 yang berikut :

“10. (1) Datuk Bandar boleh, tanpa memberi apa-apa sebab, pada bila-bila masa membatalkan mana-mana lesen iklan :

Dengan syarat Datuk Bandar hendaklah memberi notis bertulis kepada pemegang lesen dua minggu sebelum membuat pembatalan tersebut.

(2) Jika sesuatu lesen dibatalkan orang yang mempamerkan iklan itu hendaklah menurunkan iklan yang berkaitan dengan lesen itu dalam masa empat belas hari dari tarikh pembatalan.

(3) Pampasan tidak boleh dibayar kepada mana-mana orang apabila terbatalnya sesuatu lesen.”.

Pindaan
undang-
undang
kecil 12.

9. Undang-undang kecil 12 Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “satu” yang terdapat dalam perenggan (1) dengan perkataan “setengah”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “dua meter” yang terdapat dalam perenggan (2) dengan perkataan-perkataan “satu dan satu per lima meter”.

Pindaan
undang-
undang
kecil 14.

10. Undang-undang kecil 14 Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “diturunkan” di mana terdapat perkataan itu dalam undang-undang kecil itu perkataan-perkataan “atau dipadamkan”; dan

(b) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (3) perenggan baru (4) dan (5) yang berikut :

“(4) Datuk Bandar boleh, bagi maksud membaiki, mengecat semula atau membersihkan mana-mana tempat atau struktur, menurunkan apa-apa iklan, walaupun lesen untuk iklan tersebut masih sah dan tiada pembayaran balik boleh dibuat kepada pemegang lesen berkenaan dengan lesen itu.

(5) Datuk Bandar tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang dilakukan olehnya atau pekerja-pekerjanya semasa menjalankan peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini.”.

Pindaan
Undang-
undang
kecil 17.

11. Undang-undang kecil 17 Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda—

(a) dengan menombor semula undang-undang kecil 17 sebagai undang-undang kecil 17 (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (1) perenggan baru (2) yang berikut:

“(2) Semua iklan hendaklah dipamerkan selaras dengan undang-undang kecil 3, 7 dan 12 walaupun iklan-iklan tersebut dikecualikan atau tidak lesen diperlukannya.”

12. Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dan Kedua dengan Jadual baru yang berikut: Pindaan
Jadual.

“

JADUAL

[Undang-Undang Kecil 8 (2), 9, 11 dan 18 (3)]

FEE-FEE LESEN

(1) <i>Jenis Iklan</i>		(2) <i>Fee yang kena dibayar</i>	
		<i>Kadar perdagangan</i>	<i>Kadar bukan perdagangan</i>
1. Iklan:			
Diukur meliputi keluasan bahagian untuk mempamerkan iklan itu dan termasuk apa-apa keluasan permukaan rangka atau penyangga	(a) Bagi meter persegi yang pertama atau sebahagian daripadanya	\$100.00 setahun	\$70.00 setahun
	(b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya	\$10.00 setahun	\$7.00 setahun
2. Iklan kecil:			
Iklan yang saiznya tidak melebihi satu meter persegi dan bertujuan untuk dipamerkan lebih daripada satu iklan dari reka-bentuk yang sama	(a) Bagi 100 iklan yang pertama atau sebahagian daripadanya	\$100.00 setahun	\$70.00 setahun
	(b) Bagi tiap-tiap tambahan 100 iklan atau sebahagian daripadanya	\$50.00 setahun	\$30.00 setahun
3. Tanda langit:			
Diukur meliputi keluasan ruang yang digunakan untuk mempamerkan tanda langit	(a) Bagi tiap-tiap 10 meter persegi atau sebahagian daripadanya	\$2,000.00 setahun	\$2,000.00 setahun
	(b) Bagi tiap-tiap meter persegi tambahan atau sebahagian daripadanya	\$20.00 setahun	\$10.00 setahun

Diperbuat pada 15hb Julai 1985.
[PHEU². 31/84; PN. (PU²) 328/2.]

DATO' ELYAS BIN OMAR,
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Disahkan pada 16hb Julai 1985.
[KWP. 353/42/6/1/(5).]

DATO' SHAHRIR BIN HAJI ABDUL SAMAD,
Menteri Wilayah Persekutuan

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

ADVERTISEMENTS (FEDERAL TERRITORY) (AMENDMENT)
BY-LAWS 1985

Act 171. IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the Minister confirms the following by-laws:

